

# **GARIS PANDUAN BAGI PEMASANGAN SEPANDUK DAN GEGANTUNG DI DALAM KAWASAN OPERASI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS**

1. PEMOHON HENDAKLAH MENGEMUKAKAN PERMOHONAN SECARA BERTULIS KEPADA YANG DIPERTUA DAN MEMBAWA BERSAMA CONTOH IKLAN ATAU SALINAN CONTOH VISUAL IKLAN YANG INGIN DIPAMERKAN.
2. SETIAP IKLAN YANG INGIN DIPAMERKAN HENDAKLAH MENGUTAMAKAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN.
3. PEMASANGAN IKLAN HENDAKLAH TIDAK BERCONGGAH, MELINDUNGI ATAU MENYEBABKAN KEKELIRUAN DEPAN PAPAN IKLAN SEDIA ADA YANG LAIN.
4. TIDAK DIBENARKAN MENGUBAH, MENGALIH, MEMINDAH, MENEBAH, DAN MEROSAKKAN POKOK-POKOK DI TEPI JALAN.
5. SEBARANG KEROSAKAN PADA STRUKTUR JALAN DAN PERPARITAN SERTA KEMUDAHAN AWAM YANG LAIN AKIBAT PEMASANGAN IKLAN ADALAH DI BAWAH TANGGUNGJAWAB PEMOHON DAN HENDAKLAH DIBAIKI DENGAN SEGERA.
6. SEBARANG KEMALANGAN YANG TERJADI DISEBABKAN PEMASANGAN IKLAN TERSEBUT ADALAH TERLETAK SEPENUHNYA DI BAWAH TANGGUNGJAWAB PEMOHON.
7. PIHAK MAJLIS PERBANDARAN KANGAR TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEGALA KOS BERKAITAN IKLAN YANG DIPAMERKAN SAMA ADA KEMALANGAN ATAU SEBAGAINYA.
- 8. KAWASAN LARANGAN MENGGANTUNG SEPANDUK / GEGANTUNG:**
  - 8.1. Sepanjang Bulatan Jubli Emas
  - 8.2. Hadapan Istana Negeri Arau, Istana Repoh dan Istana Raja Muda
  - 8.3. Hadapan Makam Diraja Arau
  - 8.4. Sepanjang Jalan Utama Arau (bermula daripada persimpangan lampu isyarat berdekatan Dewan MPK sehingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Syed Hussein)
  - 8.5. Berdekatan Padang Bola MPK
  - 8.6. Pagar-pagar Jabatan Kerajaan / Bangunan Kerajaan
  - 8.7. Pokok-pokok hiasan / landskap
  - 8.8. Mana-mana persimpangan yang boleh menghalang pandangan pengguna jalan raya
  - 8.9. Semua tiang-tiang lampu isyarat di seluruh negeri Perlis
  - 8.10 Tiang lampu simpang keluar / masuk taman

9. SAIZ DAN UKURAN IKLAN YANG DIBENARKAN DIPAMERKAN DI KAWASAN / LALUAN **PROTOKOL** ADALAH SEPERTI BERIKUT :

**Sepanduk**

10' x 4'

**Gegantung**

3' x 5'

SEMENTARA ITU, SAIZ DAN UKURAN IKLAN YANG DIBENARKAN DIPAMERKAN DI KAWASAN / LALUAN **BUKAN PROTOKOL** ADALAH SEPERTI BERIKUT:

**Sepanduk**

7' x 3'

8' x 3'

9' x 3'

3' x 6'

10 x 3'

15' x 3'

20' x 3'

10' x 4'

15' x 4'

20' x 4'

**Gegantung**

2' x 5'

3' x 5'

DAN LAIN-LAIN UKURAN YANG DIFIKIRKAN WAJAR OLEH MAJLIS

10. **BERIKUT ADALAH KAWASAN / LALUAN PROTOKOL YANG TELAH DITETAPKAN OLEH MAJLIS :**

- 10.1 Persiaran Jubli Emas
- 10.2 Jalan Kangar-Alor Setar
- 10.3 Jalan Persiaran Wawasan
- 10.4 Jalan Kuala Perlis-Changlun
- 10.5 Jalan Kangar-Arau
- 10.6 Jalan Arau-Kodiang
- 10.7 Jalan Kangar-Padang Besar
- 10.8 Pusat Bandar Kangar
- 10.9 Pekan Kuala Perlis
- 10.10 Pekan Arau
- 10.11 Pekan Padang Besar

11. **TIADA SEBARANG SEPANDUK ATAU GEGANTUNG DIBENARKAN DIPAMERKAN DI KAWASAN / LALUAN PROTOKOL BAGI TEMPOH 17 APRIL SEHINGGA 17 JUN DAN 15 JULAI SEHINGGA 15 SEPTEMBER PADA SETIAP TAHUN.**

12. **WALAU BAGAIMANAPUN BAGI MAKSUD DI PARA 11, YANG DIPERTUA BOLEH MEMBERIKAN PERTIMBANGAN UNTUK KES-KES YANG BERSANGKUTAN DENGAN SAMBUTAN ATAU ACARA YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN PERSEKUTUAN MAHUPUN NEGERI.**

**13. BAYARAN PERMIT YANG DIKENAKAN:**

- a. Sepanduk - RM 20.00 seunit
- b. Gegantung - RM 6.00 seunit

14. 'STICKER' KELULUSAN LESEN IKLAN HENDAKLAH SENTIASA DILEKATKAN PADA IKLAN YANG DIPAMERKAN.

**15. TEMPOH PEMASANGAN / KELULUSAN :**

**Sebulan atau 30 hari**

16. PEMASANGAN SEPANDUK / GEGANTUNG HENDAKLAH DILAKUKAN DENGAN KEMAS DAN RAPI SERTA DITANGGALKAN OLEH PEMOHON SEBAIK TAMAT TEMPOH LESEN.

17. PIHAK MAJLIS BERHAK MENAMBAH ATAU MEMINDA SEBARANG SYARAT DARI SEMASA KE SEMASA SEKIRANYA DIFIKIRKAN PERLU ATAU MENURUNKAN SEBARANG SEPANDUK / GEGANTUNG YANG DIPAMERKAN SEBELUM TEMPOH MATANG PERMIT ATAU MENOLAK MANA-MANA PERMOHONAN SEKIRANYA PEMOHON DIDAPATI GAGAL MEMATUHI MANA-MANA SYARAT SEPERTI YANG TELAH DITETAPKAN.

ARAHAN:

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS